




PANDUAN PENULISAN JURNAL

PENERBIT UTHM



**Draf disediakan oleh:
Shafry Salim
Penolong Pendaftar
Pejabat Penerbit UTHM**

Kandungan

1	Objektif	3
2	Pengenalan	3
3	Syarat Penerimaan	3
4	Format Penulisan	4
5	Penyediaan Tajuk	4
6	Penyediaan Abstrak	4
7	Penyediaan KATA KUNCI	5
8	Penyediaan Kandungan	5
9	Pecahan Penghargaan	5
10	Penyediaan Rujukan	5
11	Spesifikasi jarak	6
12	Hak Cipta	7
13	Penyerahan Artikel	7
14	Pertanyaan & Maklumat Lanjut	7

PANDUAN PENULISAN JURNAL PENERBIT UTHM

1.0 OBJEKTIF

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan bagi menerbitkan artikel jurnal terbitan Penerbit UTHM.

2.0 PENGENALAN

Pejabat Penerbit UTHM menerbitkan dua buah jurnal iaitu:

- i. Jurnal Sains Sosial
- ii. Jurnal Sains & Teknologi

Kedua-dua jurnal ini diterbitkan dua kali setahun dan sumbangan artikel adalah terbuka kepada penulis dari dalam dan luar UTHM.

Artikel yang diterima adalah berdasarkan hasil kerja penyelidikan dan pembangunan dalam bidang Sains Sosial, Teknologi dan Kejuruteraan. Kandungan artikel hendaklah dalam bentuk berikut:

- a) hasil kerja penyelidikan;
- b) penemuan, kaedah atau aplikasi baru;
- c) penilaian sesuatu perkara secara kritikal

Artikel boleh ditulis sama ada dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

3.0 SYARAT PENERIMAAN

Artikel yang dihantar hendaklah belum pernah diterbitkan dalam mana-mana jurnal, prosiding atau seumpamanya. Penulis adalah bertanggungjawab untuk mengesahkan perkara ini dengan menggunakan Borang Penyerahan Manuskrip Jurnal (*Lampiran I*).

Artikel perlu dihantar dalam bentuk salinan asal (*hard copy*) dan salinan lembut (*softcopy*) format PDF dengan mengikut format seperti Perkara 4.0. dan 5.0. Penyerahan akhir (setelah artikel dinilai dan disahkan diterima untuk diterbitkan), perlu dibuat dalam dua bentuk iaitu salinan keras dan salinan lembut (format Microsoft Word). Artikel yang tidak mematuhi format penulisan boleh ditolak tanpa diberi notis.

Sekiranya penulis tidak menerima sebarang maklum balas dalam masa enam bulan dari tarikh artikel diserahkan, penulis bolehlah menganggap artikel tersebut tidak diterima dan dia berhak untuk menerbitkan artikel berkenaan di penerbit lain.

4.0 FORMAT PENULISAN

Ukuran artikel dalam kertas A4 perlulah menggunakan jidar berikut :-

- (a) Atas: 5.5 cm
- (b) Bawah: 4.0 cm
- (e) Kiri: 4.0 cm
- (d) Kanan: 3.5 cm

Artikel perlulah ditaip menggunakan *font* jenis **TIMES NEW ROMAN** mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

4.1 PENYEDIAAN TAJUK

Tajuk hendaklah ringkas dan padat. Di bawah tajuk pula perlu diletakkan nama penuh penulis jurnal berkenaan. Sekiranya penulis lebih dari seorang, nama ketua penulis, nama institusi beserta e-mel perlu ditulis mendahului nama penulis-penulis lain. Maklumat penulis yang lain memadai nama institusi sahaja.

- i. Tajuk artikel
 - a. Saiz: 18 poin
 - b. *Bold & Title Case*
 - c. *Centered*
- ii. Nama Penulis
 - a. Saiz: 10 poin
 - b. *Bold & Title Case*
 - c. *Centered*
- iii. Maklumat Penulis
 - a. Saiz: 9 poin
 - b. *Normal & Title Case*
 - c. *Centered*

4.2 PENYEDIAAN ABSTRAK

Abstrak adalah sinopsis artikel yang padat dan ringkas yang merangkumi aspek-aspek pemasalahan, objektif, kaedah dan dapatan serta kesimpulan. Abstrak tidak boleh melebihi 200 patah perkataan dan perlu ditulis menggunakan format *Italic*, bersaiz 10 dan *Justified*.

4.3 KATA KUNCI

Penulis perlu memberikan tiga hingga lima perkataan kata kunci dan diletakkan selepas Abstrak. Ia bertujuan bagi memudahkan pencarian maklumat. Kata kunci perlu ditulis menggunakan format *Normal*, bersaiz 10 dan *Justified*.

Format bagi muka pertama adalah seperti lampiran II

4.4 KANDUNGAN

Manuskrip mesti mengandungi bahagian-bahagian berikut iaitu **Pengenalan, Sorotan Literatur, Kaedah, Keputusan, Perbincangan** dan **Rumusan**. Setiap bahagian perlu diberikan tajuk yang sesuai dan dinomborkan. Tajuk dan nombor tajuk tersebut perlu ditulis menggunakan format *Bold*, bersaiz 12 dan *Justified*. Manakala teks artikel pula ditulis menggunakan format *Normal*, bersaiz 12 dan *Justified*.

Setiap jadual dan gambar rajah perlu dirujuk terlebih dahulu sebelum dipersembahkan dan diikuti dengan keterangan berkaitan jadual dan gambar rajah tersebut. Jadual dan gambar rajah hendaklah lengkap, ringkas dan jelas serta diberikan tajuk yang bersesuaian. Jadual atau gambar rajah ini juga hendaklah dinomborkan secara teratur seperti Jadual 1, Jadual 2 dan seterusnya atau Rajah 1, Rajah 2 dan seterusnya. Tajuk jadual perlu diletakkan di bahagian atas jadual, manakala tajuk rajah pula perlu diletakkan di bahagian bawah rajah.

4.5 PENGHARGAAN

Penghargaan tidak lebih dari 50 patah perkataan, jika ada, diletakkan di bahagian akhir manuskrip sebelum bahagian rujukan.

4.6 RUJUKAN

Semua rujukan yang disebut dalam teks mestilah disenaraikan. Senarai rujukan tidak boleh mengandungi sumber-sumber yang tidak dirujuk dalam artikel. Senarai rujukan yang lengkap hendaklah menggunakan sistem penulis – tahun (*author - date*) mengikut abjad. Senarai rujukan hendaklah diletakkan di bahagian akhir sesebuah manuskrip.

Gaya penulisan rujukan adalah mengikut contoh yang berikut: Penulis (nama akhir diikuti dengan nama pertama bagi penulis utama dan nama pertama diikuti nama seterusnya bagi penulis lain), tahun, tajuk, terbitan berkala (*italic*), volume (nombor): termasuk nombor muka surat. Contoh:

Hoyle, B. S. and Xu, L. A. (1995). "Ultrasonic Sensors". In: Williams, R. A. and Beck, M. S. (Eds). *Process Tomography: Principles, Techniques and Applications*. Oxford: Butterworth-Heinemann. pp. 119-149.

Penulisan senarai rujukan mestilah dalam bentuk asal sumber tersebut. Sekiranya sumber rujukan adalah dalam Bahasa Inggeris maka rujukan perlu ditulis dalam Bahasa Inggeris termasuklah perkataan “dan” ditulis sebagai “and”.

Rujukan dalam teks artikel perlulah menggunakan format penulis - tahun. Contoh:

Menurut Hoyle dan Xu (1995), ultrasonic sensors ...
atau
Ultrasonic sensors adalah ... (Hoyle dan Xu, 1995).

Sumber rujukan dari artikel jurnal adalah lebih diutamakan berbanding buku. Rujukan dari sumber internet perlulah dinyatakan dengan lengkap merangkumi alamat laman web yang dirujuk serta tarikh maklumat dicapai. Rujukan pula ditulis menggunakan format *Normal*, bersaiz 10 dan *Justified* (*lampiran IV*).

5.0 SPESIFIKASI JARAK

Selain daripada panduan yang disenaraikan dalam 4.0 di atas, penulis diminta supaya mematuhi panduan berikut dalam penulisan Jurnal.

- i. Nama penulis perlu diletakkan di bawah tajuk artikel dengan diselangkan sebanyak dua baris
- ii. Maklumat lanjut mengenai penulis seperti; institusi dan e-mel perlu diletakkan di bawah nama penulis pada muka surat pertama artikel berkenaan.
- iii. Jarak di antara Tajuk dengan Nama Penulis dan Abstrak dan di antara Abstrak dengan baris pertama teks ialah dua baris.
- iv. Jarak di antara sub-judul dengan baris terakhir teks sebelumnya ialah satu baris.
- v. Jarak di antara sub-judul dengan baris pertama teks selepasnya ialah satu baris.
- vi. Jarak di antara perenggan ialah satu baris.
- vii. Mulakan sub-judul berserta nombornya dari jidar kiri .
- viii. Mulakan baris pertama perenggan dengan jarak ensotan 1.5cm dari jidar kiri.
- ix. Jarak di antara ayat terakhir dengan Jadual, Rajah atau Ilustrasi ialah satu baris.

6.0 HAK CIPTA

Segala manuskrip yang diterbitkan dalam Jurnal UTHM adalah menjadi hak milik mutlak Universiti. Universiti berhak menerbitkan semula manuskrip ini dalam pelbagai bentuk untuk tujuan ilmiah.

7.0 PENYERAHAN ARTIKEL

Artikel hendaklah dihantar mengikut format yang dinyatakan di bahagian 4.0 ke:

Ketua Editor Jurnal *
Pejabat Penerbit
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor Darul Takzim
Emel: pt@kuittho.edu.my

** Jurnal Sains Sosial / Jurnal Sains & Teknologi*

8.0 PENERANGAN & MAKLUMAT LANJUT

Penjelasan & maklumat boleh diperolehi dengan menghubungi talian berikut:

Tel: 07-453 7454 / 07-453 7452
Faks: 07-453 6145
Emel: pt@kuittho.edu.my
Website: www.kuittho.edu.my/pt